

TEORI RANGKAIAN SOSIAL DALAM KAJIAN PERALIHAN DAN PENGEKALAN BAHASA

Roksana Bibi Abdullah

Abstrak

Teori Rangkaian Sosial yang mula-mula sekali diperkenalkan oleh ahli antropologi sosial mengandaikan bahawa struktur rangkaian peribadi mempengaruhi perlakuan dan personaliti manusia. Teori Rangkaian Sosial yang kemudiannya menjadi begitu popular di kalangan ahli sosiolinguistik ini menjadi gagasan dalam mencari sebab dan akibat bagi peralihan bahasa. Teori ini mengandaikan bahawa jaringan rangkaian sosial seseorang menjadi penyebab kepada pemilihan dan penggunaan bahasa seseorang; dan sekali gus menjadi punca kepada peralihan sesuatu bahasa dalam sesuatu masyarakat penutur. Keakraban dan multipleksiti menjadi tumpuan utama dalam analisis rangkaian sosial iaitu sebagai pengukuh bagi satu-satu perlakuan, termasuk perlakuan berbahasa. Pelbagai teknik telah digubal dan diaplikasi bagi kajian rangkaian sosial ini seperti yang telah dijalankan oleh Milroy, Mayer, Li Wei, Gal dan sebagainya.

Abstract

Social anthropologists, who first developed social network analysis suggest that the structure of personal networks influences human behaviour and aspects of personality. The last few decades have witnessed a surge of interest amongst sociolinguists in the concept of social network and its relevance to the study of language behaviour. Social network approach assumes that there is a dialectic relationship between speakers' linguistic behaviours and interpersonal relations; that is, speakers language use is influenced and shaped by the types of social contact they have, and it actively contributes to the social relations which speakers maintain. Density and multiplexity pertain to the structure and content of the network respectively. Analysis of the struc-

tural aspects of social network, which, in addition to density, include anchorage, reachability and range, has generated much of the literature on social network. Various analytic techniques have been developed and applied by sociolinguists, i.e. Milroy, Mayer, Li Wei, Gal etc.

PENDAHULUAN

Teori Rangkaian Sosial ini merupakan salah satu daripada pelbagai teori yang wujud bagi pengkajian dalam bidang sosiolinguistik, iaitu bagi mengukur fenomena peralihan dan pengekalan bahasa. Konsep rangkaian sosial ini asalnya telah dirangka oleh ahli-ahli antropologi sosial. Mereka berpendapat bahawa struktur rangkaian sosial mempengaruhi perlakuan dan aspek personaliti seseorang. Pendekatan rangkaian sosial bermanfaat dalam menjelaskan mekanisme interaksi sosial yang membenarkan penutur mengekalkan atau mengalih perlakuan berbahasa mereka mengikut peredaran masa.

Aplikasi yang menggunakan paradigma rangkaian ini telah tumbuh dengan pesatnya dalam tahun 1970 dan 1980-an. Sebelum itu, dalam tahun 1940 dan 1950-an, telah ada kajian dalam kumpulan kecil bagi rangkaian sosial ini. Namun, dalam beberapa dekad yang lalu, satu peningkatan yang mendadak berlaku di kalangan ahli sosiolinguistik dalam mengaplikasikan teori rangkaian sosial bagi kajian mereka terhadap perlakuan berbahasa manusia. Melalui kajian yang dijalankan, mereka dapati teori rangkaian sosial ini begitu relevan sekali dalam meghuraikan perlakuan berbahasa penutur yang dikaji.

Teori Rangkaian Sosial ini akan melihat sejauh manakah rangkaian sosial yang dimiliki oleh setiap responden memainkan peranan dalam menentukan penggunaan atau pemilihan bahasa. Melalui aplikasi teori ini kita boleh melihat pengaruh yang diperoleh oleh seseorang penutur daripada orang-orang yang terangkum dalam rangkaian sosialnya dari segi pemilihan dan penggunaan bahasa.

KONSEP RANGKAIAN SOSIAL

Rangkaian sosial ialah satu '*web of ties*' atau jaringan ikatan yang dimiliki oleh seseorang dalam satu-satu masa. Dalam menjalani kehidupan seharian, manusia tidak dapat tidak berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang-orang yang di sekelilingnya, tidak kira sama ada mereka terdiri dari ahli keluarga, saudara-mara, rakan, sahabat handai dan sebagainya. Setiap rang-

kaian sosial yang dimiliki ini menjadi suatu unsur yang penting bagi menghuraikan perlakuan dan tindak-tanduk berbahasa seseorang individu.

Manusia membentuk pelbagai jenis ikatan rangkaian sosial pada masa yang berbeza dan bagi tujuan komunikatif dan sosial yang berbeza-beza juga. Kajian tentang rangkaian sosial menunjukkan bahawa seseorang individu tidak boleh bergantung kepada seorang atau dua orang bagi segala jenis bantuan atau sokongan dalam kehidupannya. Sebaliknya, seseorang itu harus menyemai perhubungan dengan pelbagai jenis individu bagi memastikan adanya segala jenis sokongan atau bantuan yang diperlukan. Perkara yang penting di sini ialah ikatan yang berbeza dalam satu rangkaian akan mewujudkan pengaruh yang berbeza ke atas perlakuan sosial (termasuk bahasa) seseorang. Dengan kata lain, tindak-tanduk dan kebiasaan orang-orang yang terangkum dalam rangkaian sosial seseorang individu tersebut akan sedikit sebanyak memberi kesan dan mempengaruhi tindak-tanduk (bahasa) individu tersebut.

Kebanyakan kajian rangkaian sosial menggunakan konsep perhubungan (*anchorage*) dan memeriksa ikatan peribadi ego. Secara prinsip, jumlah rangkaian sosial tidak mempunyai sebarang had. Hal ini mengaitkan manusia antara satu sama lain secara menyeluruh bagi sesuatu kelompok masyarakat di pelosok mana pun. Bukti-bukti empirikal menunjukkan bahawa bagi sebab-musabab yang praktikal, rangkaian sosial biasanya dikaitkan kepada individu, dan setiap individu mempunyai pilihan untuk mengaktifkan mana-mana sektor dari keseluruhan rangkaiannya pada bila-bila masa sahaja untuk tujuan tertentu.

Prinsip perhubungan (*anchorage*) ini mempunyai dua implikasi yang penting. Pertama adalah dengan menghadkan rangkaian yang utama secara berkesan sekali, iaitu dengan menentukan jumlah bilangan orang-orang yang mempunyai hubungan langsung atau hubungan yang kerap dengan ego. Walker, Wasserman dan Wellman (1994), mencadangkan bahawa secara purata orang-orang Amerika Utara mempunyai 1500 hubungan yang informal, tetapi hanya 20 dari ikatan ini yang *signifikan*, berdasarkan kekerapan hubungan sosial, sokongan dan perasaan bahawa wujud sejenis perhubungan antara mereka. Daripada jumlah tersebut, menurut mereka hanya satu per empat sahaja (empat hingga tujuh ikatan) yang merupakan hubungan yang benar-benar rapat dan mempunyai daya sokongan yang kukuh.

Implikasi penting yang kedua dari prinsip perhubungan ini ialah anggota-anggota individu dari sesuatu masyarakat akan cuba membina hubungan rangkaian yang berbeza-beza jenisnya yang boleh mereka gunakan pada masa yang berbeza dan untuk tujuan sosial dan komunikatif

yang berbeza. Dari itu, isu pokok dalam pendekatan rangkaian ego ialah bagi menentukan jenis rangkaian sosial yang dimiliki oleh seseorang individu dan tujuan interaksinya.

Perspektif Rangkaian Sosial

Menurut Wasserman dan Faust (1994), analisis rangkaian memberi fokus kepada perhubungan antara entiti sosial ke atas pola, dan implikasi perhubungan ini. Analisis sosial tidak menganalisis perlakuan sikap, dan kepercayaan seseorang individu, tetapi sebaliknya memberikan fokus kepada entiti sosial atau pelaku dalam interaksi di antara satu sama lain dan bagaimana interaksi ini membentuk suatu rangka kerja atau struktur yang boleh dikaji dalam lingkungannya yang tersendiri. Perspektif rangkaian sosial mempunyai beberapa andaian tentang pelaku dan perhubungan di antara mereka, iaitu:

- (a) Pelaku dan perlakuan atau tindak-tanduk dilihat sebagai saling bergantung dan bukan sebagai unit-unit yang '*autonomous*' atau terpisah dan berasingan.
- (b) Ikatan perhubungan antara pelaku adalah saluran bagi pemindahan sumber sama ada dalam bentuk material seperti wang atau bukan material seperti informasi, sokongan politik, persahabatan, penyertaan rasa hormat dan sebagainya.
- (c) Kajian rangkaian sosial memberi fokus ke atas pandangan individu terhadap persekitaran struktur dan rangkaian yang menyediakan peluang atau halangan ke atas tindakan individu. Ini selaras dengan kajian Marsden dan Friedkin (1994), yang menyatakan bahawa hubungan sosial menyediakan dasar yang melaluinya seseorang pelaku mengubah perlakuan atau sikap orang lain.

Analisis rangkaian sosial ini berkait rapat dengan kajian pengaruh sosial yang banyak dijalankan oleh ahli sosialogi. Marsden dan Friedkin (1994), contohnya mendakwa bahawa kajian pengaruh sosial adalah arena yang strategik bagi kajian rangkaian sosial, kerana dapat menghubungkan struktur perhubungan sosial kepada sikap dan perlakuan pelaku yang membentuk sesuatu rangkaian.

Erikson, (1988) menghujahkan bahawa batu asas bagi pemupukan sesuatu rangkaian adalah kemiripan sikap. Rangka kerja teori ini mengandaikan bahawa dalam situasi yang melibatkan ketaksaan, seseorang

individu itu biasanya akan mendapatkan bimbingan normatif dengan membandingkan sikap mereka dengan orang-orang yang terangkum dalam kumpulan rujukan. Orang-orang dalam kumpulan rujukan biasanya terdiri daripada orang-orang lain yang mempunyai persamaan seperti sikap atau pandangan dengan individu tersebut dan terangkum dalam rangkaian sosialnya. Biasanya sikap diperkukuhkan apabila terdapat persamaan dengan kumpulan rujukan, tetapi diubah apabila keadaan itu menyimpang dari sikap kumpulan rujukan tersebut.

Kemiripan sikap di sini boleh juga dikaitkan dengan kemiripan dari segi penggunaan dan pemilihan bahasa. Sekiranya seseorang individu dapat mengenal pasti suatu kumpulan rujukan dalam rangkaian sosialnya, maka kemungkinan bahasa yang digunakan oleh kumpulan rujukannya akan dijadikan sebagai suatu model untuk diikutinya.

Namun masalah yang timbul bagi andaian teori tentang kumpulan rujukan ini adalah bagaimana seseorang itu dapat mengenal pasti kumpulan rujukannya? Untuk ini, beberapa dasar yang telah digunakan oleh pengkaji rangkaian sosial adalah seperti tahap informasi yang dimiliki tentang orang-orang yang terangkum dalam rangkaian sosial seseorang itu. Pengetahuan tentang sikap atau perlakuan, orang-orang dalam rangkaian sosialnya itu ke dalam kumpulan rujukan yang selanjutnya akan mempengaruhi perlakuan individu tersebut.

Masalah ini telah dihujahkan juga oleh Festinger (dilihat dalam Krackhardt D. dan Brass D.J. 1994) yang menyatakan bahawa pengaruh di antara dua pelaku menurun atau berkurangan apabila berlakunya penyimpangan dari segi pendapat dan perlakuan mereka. Di samping itu, menurut beliau, pengaruh pelaku tersebut juga ditentukan oleh minat yang konsisten dan sama antara mereka yang terlibat. Jika seseorang individu mempunyai minat yang sama dengan salah seorang daripada orang yang terangkum dalam rangkaian sosialnya, maka orang tersebut akan dirangkumkan ke dalam kumpulan rujukannya.

Pendapat lain menekankan bahawa pengaruh adalah berdasarkan hubungan 'solidarity', seperti persahabatan atau yang berbentuk hierarki seperti kewibawaan (*authority*).

Secara keseluruhannya, French dan Raven (1959) dalam kajian psikologi mereka merumuskan pengaruh sosial yang akan mengubah perlakuan pelaku dalam sesuatu rangkaian sosial boleh didasarkan kepada lima sumber, iaitu:

- (i) Kapasiti untuk memaksa (*coerce*);
- (ii) Kebolehan untuk memberi ganjaran;
- (iii) Mempunyai kewibawaan atau berpengaruh;

- (iv) Pakar yang terkenal;
- (v) Kuasa 'referent' yang berkait rapat dengan identifikasi, karisma dan estim.

Di samping lima sumber yang dinyatakan di atas, satu lagi faktor yang pernah ditekankan oleh Festinger, Schrafer dan Back (1950) ialah faktor kehampiran geografis (*geographical proximity*). Walaupun sistem kenderaan moden membolehkan perhubungan bagi orang yang berjauhan, namun menurut mereka kehampiran geografis kekal memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemungkinan rangkaian sosial peribadi.

Kehampiran geografis berkorelasi pula dengan kekerapan perhubungan seperti yang telah diulas oleh Bulmer (1986); dan Keller (1968). Menurut mereka, secara umum, orang yang tinggal atau yang bekerja di tempat yang berhampiran lebih kerap mendapat peluang untuk berhubung dan lebih tinggi kemungkinannya untuk dirangkumkan ke dalam rangkaian sosial individu yang terangkum ke dalam kelompok masyarakat tersebut.

Walau bagaimanapun, pendapat tentang kepentingan faktor kehampiran geografi ini tidak dipersetujui oleh Walker, Wasserman, dan Wellman, (1994). Menurut mereka, daripada kajian yang mereka jalankan, tiada bukti yang menunjukkan hubungan di antara kekerapan perhubungan yang bersemuka (*face to face*) dengan kekuatan perhubungan. Sebaliknya, perhubungan melalui telefon bagi mereka yang berjauhan yang lebih sukarela daripada terserempak secara tidak sengaja dianggap secara signifikan berkorelasi dengan kekuatan atau keakraban perhubungan. Dari itu, telefon dianggap sebagai katalis sosial yang mengekalkan perhubungan di antara anggota-anggota dalam sesuatu rangkaian.

Dapat disimpulkan bahawa selain daripada perkara yang dibincangkan, aspek keakraban memainkan peranan yang penting dalam mengkaji tahap pengaruh bagi anggota dalam sesuatu rangkaian sosial.

Menurut Campbell dan Lee (1992 dilihat dalam Walker S., Wasserman dan Wellman, 1994), kebanyakan orang di Amerika Utara mengenali lebih kurang dua belas jiran di kawasan yang berhampiran dengan mereka, tetapi mereka mungkin mempunyai satu atau tiada langsung hubungan akrab di kalangan jiran mereka.

Wellman (1992), menyatakan bahawa ikatan yang akrab ini biasanya tidak semestinya terdiri daripada orang-orang tempatan atau yang berhampiran. Menurut Milroy:

“A relatively dense multiplex network structure has the capacity to

impose specifically linguistic upon its members.”

(Milroy, 1980:136)

Milroy (1980) menyatakan bahawa semua pengkaji bersetuju bahawa keakraban dan multipleksiti bertindak sebagai mekanisme pengukuh atau sumber pengaruh sesuatu norma. Ikatan yang kuat atau akrab ini menurut Argyle dan Henderson (1984), biasanya memaparkan tiga ciri yang berhubung kait, iaitu:

- (a) Perasaan bahawa perhubungan itu akrab dan istimewa dan merupakan suatu perhubungan yang sukarela dan keinginan bagi mengekalkan persahabatan dengan pasangan tersebut.
- (b) Mempunyai minat yang mungkin sama dan berinteraksi secara kerap dalam konteks yang pelbagai.
- (c) Perasaan tentang kesalingan perhubungan dan kesedaran tentang keperluan pasangannya.

Dalam setiap rangkaian yang dimiliki, pengelasan boleh dibuat bagi sama ada hubungan rangkaian tersebut merupakan hubungan unipleks atau hubungan multipleks.

Hubungan unipleks bermakna hubungan yang dijalin mempunyai satu kapasiti sahaja, contohnya hubungan ego dengan A iaitu A merupakan rakan sekerjanya sahaja.

Hubungan multipleks pula bermakna terdapat lebih daripada satu kapasiti dalam perhubungan yang dijalin. Contohnya hubungan ego dengan B ialah B merupakan rakan sejawatnya dan juga jiran serta mungkin merupakan rakan sekelas bagi pendidikan agama. Ikatan multipleks begini dianggap sebagai hubungan yang akrab dan mempunyai kuasa yang lebih besar dalam mempengaruhi tindak-tanduk seseorang atau sebagai mekanisme pengukuhan sesuatu norma, dan dalam konteks perbincangan ini, perlakuan berbahasa kita. Menurut Milroy (1980), bilangan pertukaran dan pengetahuan yang dikongsi bersama dalam suatu rangkaian yang multipleks bentuknya adalah sangat luas. Penutur yang terangkum dalam hubungan yang multipleks ini biasanya menggunakan ujaran yang paling bersahaja (*casual*) dengan gaya yang mesra (*intimate*). Ini telah juga dibuktikan oleh Labov (1972) dan Ervin Tripp (1972). Orang yang terangkum dalam perhubungan multipleks lebih mudah dan kerap berjumpa antara satu sama lain berbanding dengan mereka yang mempunyai hubungan yang unipleks. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa mereka yang mempunyai hubungan multipleks lebih patuh kepada norma-norma kumpulan, yang merangkumi

juga norma penggunaan bahasa.

Milroy, L telah memberikan satu formula bagi mengukur skor rangkaian multipleks seseorang individu, iaitu:

$$M = \frac{Nm \times 100\%}{N}$$

(Milroy, 1987:51)

Nm adalah bilangan hubungan multipleks dan N adalah jumlah bilangan hubungan yang sebenar yang dimiliki oleh seseorang.

Pendekatan Analisis Rangkaian Sosial

Analisis rangkaian sosial menggariskan dua pendekatan yang luas tentang persekitaran yang tertentu dalam mempengaruhi; di antara pasangan pelaku dengan yang boleh berlaku, iaitu:

- (a) Kesenambungan struktural
- (b) Kesamaan (*Equivalence*)

Kesenambungan struktural menekankan aspek kehampiran sosial dari segi bilangan, kepanjangan dan kekuatan lorong yang menghubungkan pelaku dalam sesuatu rangkaian. Perkara yang ditekankan dalam kesenambungan struktural ini adalah:

“two actors are proximate if, and only if, they are directly tied in a network”

(Marsden dan Friedkin, 1994:7)

Oleh itu, kumpulan rujukan biasanya terdiri daripada orang yang mempunyai ikatan yang kuat dan efektif dengan pelaku tersebut agar pelaku tersebut dapat memahami dan mengenali diri orang yang terangkum dalam kumpulan rujukan tersebut dengan tuntas sebelum dapat mempengaruhi pelaku tersebut.

Pendekatan kedua yang menekankan aspek kesamaan, menghuraikan kehampiran sosial dari segi kesamaan profil pelaku dalam sesuatu rangkaian. Penganalisis yang memerhatikan faktor kesamaan berhujah bahawa individu yang mirip kelihatan membentuk persahabatan yang kukuh dan akrab. (Lazarsfeld dan Merton, 1964). Anggota dalam sesuatu rangkaian sosial biasanya mempunyai beberapa ciri yang sama. Dari sini, sifat saling mema-

hami dapat diwujudkan. Dalam kajian Wellman dan Wortley (1990), didapati anggota rangkaian sosial yang mempunyai status pekerjaan yang sama kelihatan dapat membentuk hubungan akrab daripada yang berbeza status pekerjaannya.

Sebaliknya, walaupun kesinambungan struktural dapat dibentuk, kesamaan tidak semestinya dapat berlaku, contohnya antara majikan dengan pekerja dalam suatu hierarki organisasi. Ikatan 'lateral dan 'vertical' kedua-dua pelaku yang terlibat tidak akan bertindan dan tahap persamaan struktural mereka akan berkurangan apabila jurang yang memisahkan mereka dari segi arahan meningkat.

JENIS-JENIS RANGKAIAN SOSIAL

Milardo (1988: 26–36), telah memperkenalkan dua jenis konsep rangkaian yang penting, iaitu konsep rangkaian pertukaran dan rangkaian interaktif dan kemudiannya telah diaplikasikan oleh beberapa pengkaji lain, termasuk Li dan Milroy (1994) dalam kajian mereka.

Rangkaian Pertukaran

Dalam rangkaian pertukaran ini, terangkum sejumlah orang yang berkemungkinan mewujudkan pertukaran yang menguntungkan dengan mereka adalah tinggi. Dengan kata lain, dengan orang-orang inilah ego bukan sahaja berinteraksi secara rutin, tetapi juga bertukar-tukar bantuan, nasihat, kritikan dan sokongan secara langsung. Secara tradisi, adik-beradik dan sahabat yang rapat membentuk suatu bahagian yang penting bagi rangkaian pertukaran seseorang individu.

Rangkaian Interaktif

Bagi rangkaian interaktif pula, terangkum manusia yang berinteraksi dengan ego mereka dengan kerap dan mungkin juga dalam masa yang agak panjang sekali, tetapi kemungkinan bagi pertukaran yang menguntungkan agak rendah; iaitu ego tidak bergantung kepada orang ini bagi mendapatkan bantuan peribadi atau lain-lain sumber material mahupun simbolik. Contoh bagi ikatan interaktif ialah seperti tuan punya kedai dan pelanggannya. Dalam hal ini, jika berlaku perhubungan atau interaksi, perkara atau perbincangan hanyalah tentang perkara yang berkaitan dengan urusan tertentu sahaja, seperti pekedai dengan pelanggan, maka interaksi hanya bagi bertanyakan harga barangan sahaja, bukan perkara yang peribadi.

APLIKASI ANALISIS RANGKAIAN SOSIAL DALAM KAJIAN AWAL

Analisis rangkaian sosial ini telah membantu mempertingkatkan banyak kajian dalam pelbagai disiplin, dari psikologi sosial dan kajian difusi kepada antropologi, komunikasi, politik, dan struktur organisasi. Salah satu daripada kajian rangkaian sosial yang awal sekali telah dijalankan oleh Mayer (1961). Kajian beliau telah membandingkan tiga kategori penduduk bandar yang berbeza di penjuru timur London yang penduduknya terdiri daripada orang-orang Afrika Selatan.

Kelompok pertama terdiri daripada penduduk bandar yang mempunyai set hubungan peribadi mereka adalah sama seperti penduduk bandar di tempat lain. Dua lagi kelompok terdiri daripada golongan migran, yang dibezakan terutamanya dari segi pola rangkaian mereka (*network patterns*). Satu kategori dikenali sebagai “Red migrants”, iaitu anggota masyarakat Xhosa yang selama beberapa generasi tidak mahu memeluk agama Kristian mahupun mengikut cara hidup orang Eropah. Rangkaian sosial kumpulan ini sesama ahli kumpulan mereka adalah akrab. Kategori kelompok yang terakhir terdiri daripada masyarakat Xhosa yang suatu ketika memeluk agama Kristian, pergi ke sekolah, dan mengikut cara pakaian, makanan, dan kebanyakan adat resam orang Eropah. Kajian tersebut menunjukkan, ikatan rangkaian yang akrab sesama ahli kelompok mereka yang menjadi ciri utama golongan “Red migrants” tidak wujud dalam kumpulan ini.

Mayer mendapati bahawa ciri-ciri ikatan rangkaian mempunyai kesan normatif terhadap perlakuan anggota kumpulan yang berbeza ini. Contohnya, hubungan rapat di kalangan ahli kumpulan “Red migrants” sesama mereka melahirkan kawalan sosial yang begitu ketat terhadap para anggotanya, bagi memastikan nilai-nilai tradisi yang mereka miliki termasuk bahasa dipatuhi dengan setia. Setiap ahli dirangkumkan ke dalam struktur norma dan aktiviti yang jelas daripada itu, dalam hal-hal tertentu dilindungi dari apa yang dipanggil ‘disorganisasi peribadi’ (Mitchell, 1987).

Sebaliknya, bagi golongan migran yang bersekolah yang tidak mempunyai rangkaian yang akrab sesama kelompok golongannya, mengalami beberapa pengaruh dan tekanan kebudayaan yang tidak konsisten secara alternatif. Mayer menyatakan:

“A migrant with a loose-knit network in town may start to apply, when with his clubmates, standards of conduct or etiquette which differ from the standards taught by his church associates, or his girl-friend; more probably still, any or all of these may differ from

standards expected at home in the country.”

(Mayer, 1963: 289)

Daripada kajian Mayer, dapat dibuktikan bahawa rangkaian sosial yang akrab atau yang longgar bersama golongan tertentu akan memberi kesan yang jelas dalam tindak-tanduk dan perlakuan seseorang. Kapasiti struktur rangkaian inilah yang bertindak sebagai norma penggerak bagi mekanisme yang menjadi tema kajian utama dalam kajian rangkaian antropologikal sosial yang selanjutnya, dan yang telah mempengaruhi pemikiran di sebalik aplikasi sosiolinguistik analisis rangkaian yang ada sekarang.

Di samping itu, konsep rangkaian sosial sebenarnya telah digunakan secara meluas sebagai metafora dalam kajian sosiolinguistik yang awal, terutamanya oleh Gumperz. Dalam beberapa tulisannya yang awal, Gumperz (1970, 1982), Blom dan Gumperz (1972) telah mengenal pasti pengguna dialek yang berstatus rendah yang paling ramai secara umumnya adalah ahli daripada rangkaian yang tertutup (*closed network*) yang interaksi sosialnya terbatas dalam sesuatu kawasan. Orang yang mempunyai hubungan dengan orang yang dikaji semuanya mengenali antara satu sama lain. Ini berkontras pula dengan golongan elit dalam komuniti itu yang melangkaui keluar sempadan kawasan dan mempunyai ikatan personal yang “terbuka” dan menuturkan dialek yang berstatus tinggi atau lebih tinggi daripada kelompok masyarakatnya.

Namun begitu, analisis rangkaian sosial Gumperz hanya terhad setakat melakukan perbezaan binari (*binary distinction*), antara rangkaian terbuka dengan rangkaian yang tertutup. Beliau juga tidak menganalisis secara sistematik bagi hubungan yang beliau perhatikan di antara rangkaian sosial dengan perlakuan bahasa. Dengan kata lain, Gumperz sebenarnya lebih tertarik untuk mengkaji *language in use* daripada *speakers in community* atau penggunaan bahasa itu sahaja dan bukan kepada pengguna bahasa itu sendiri dalam sesebuah masyarakat.

Selain dari itu, kaedah analisis rangkaian sosial juga telah diterapkan oleh Milroy, (1987) dengan begitu meluas sekali. Penerapan sosiolinguistik bagi analisis rangkaian telah beliau perkenalkan dengan begitu meluas sekali bersama-sama kumpulan pengkaji Belfast. Mereka telah menggunakan konsep rangkaian sosial untuk menjelaskan perlakuan individu yang pelbagai jenis yang tidak dapat dihuraikan dengan lain-lain cara seperti keanggotaan kumpulan korporat, contohnya kelas sosial dan sebagainya.

Corak kajian bagi projek Belfast secara keseluruhannya bergantung pada andaian bahawa perubahan linguistik berlaku dalam komuniti penutur

di sebalik latar pengekalan bahasa, dan tahap kejayaannya bergantung kepada saling tindak di antara dua set pengaruh sosial ini – iaitu mereka yang menggalakkan pengekalan di satu pihak dan mereka yang menggalakkan perubahan (atau penyimpangan/*divergence*) di satu pihak yang lain (Milroy, 1992:10).

Oleh itu, berdasarkan kajian oleh ahli antropologi sosial (seperti Bott, 1971; Mitchell, 1976; Granovetter, 1973), Milroy dan Milroy (1985) telah membezakan antara hubungan rangkaian yang secara relatif “lemah” dengan yang “kuat”. Oleh kerana hubungan rangkaian yang kuat diperlihatkan sebagai ‘norma mekanisme pengekalan’ (*norma maintenance mechanism*) (L. Milroy, 1987; 1982 dan J. Milroy, 1992), ikatan yang lemah dipercayai menjadi faktor utama yang membantu perubahan linguistik, kerana keadaan ini menyediakan semacam titian di antara kumpulan yang berbeza dan menerusi inovasi dengan pengaruh yang disalurkan.

Walau bagaimanapun, ikatan lemah adalah lebih sukar untuk dikaji atau diperiksa secara empiris berbanding dengan yang kukuh, kerana fakta bahawa rangkaian yang lemah biasanya wujud dalam komuniti yang penduduknya secara sosial dan/atau geografi *mobile*/boleh bergerak dan individu mempunyai hubungan yang banyak sekali tetapi yang *open-ended*, dan jarang sekali membentuk kumpulan yang tertutup (*close clusters*) (Milroy dan Milroy 1985; J. Milroy, 1992).

Kelihatan bahawa prosedur yang sesuai yang memberi fokus secara spesifik kepada kandungan rangkaian itu sendiri perlu dibina, di samping bentuk dan strukturnya, bagi memperoleh mekanisme yang menjadi punca kepada variasi dan perubahan bahasa.

L. Milroy membuat hipotesis bahawa sekiranya seseorang individu dirangkumkan ke dalam rangkaian yang akrab dengan sesuatu kelompok tertentu, maka dia akan lebih mudah untuk menjadi *vulnerable* kepada tekanan yang timbul daripada hubungan sosial harian dengan mereka berbanding dengan orang yang rangkaiannya secara relatif tidak akrab. Tekanan ini akan menghasilkan pengekalan kepada suatu set norma linguistik yang kemudiannya akan berkembang berlawanan atau menyimpang dari norma yang sah secara amnya mengikut kelompok kumpulan asal atau semula jadi. Seperti yang telah diperhatikan oleh L. Milroy (1987) dalam kajiannya yang terkenal tentang tiga komuniti kelas pekerja di Belfast, penutur yang rangkaian peribadinya adalah akrab dengan kelompok bangsanya kelihatan bahasanya agak sama dengan norma vernakular yang *stigmatized* yang merupakan ciri-ciri kawasan tersebut; seperti norma-norma *in-group* yang lain, dan melambangkan nilai perpaduan, *reciprocity*, dan

pada tahap-tahap tertentu, berlawanan dengan norma yang standard serta nilai-nilai yang berkaitan dengannya.

Kapasiti rangkaian yang akrab dan hubungannya dengan penggunaan tekanan normatif membentuk suatu dasar untuk menggunakan variabel penutur ini, bukan sahaja secara deskriptif, tetapi untuk meneroka secara lebih radikal tentang pola perubahan dan pengekalan bahasa.

Sehubungan dengan ini, Gal (1979), contohnya, menggunakan konsep rangkaian sosial untuk menghuraikan pengekalan dan peralihan bahasa (*language maintenance and language shift*) dalam komuniti bilingual dalam bahasa Hungary dan Jerman di Oberwart, berdekatan dengan sempadan Austria. Beliau mendapati bahawa darjah penglibatan dalam industri yang bercorak perbandaran yang kian menyerlah itu, berbanding dengan kehidupan petani yang tradisional, merupakan faktor peramal (*predictor*) yang paling penting bagi pemilihan bahasa; penutur yang mempunyai rangkaian yang telah lama kukuh dari segi jenis tradisional (seperti petani) lebih gemar menggunakan bahasa Hungary, sementara mereka yang telah maju dan lebih ke arah ikatan yang bukan tradisional (seperti pekerja bergaji) menggunakan lebih banyak bahasa Jerman.

Sementara itu, Bortoni-Ricardo (1985) pula yang mengkaji penyesuaian dialek di kalangan golongan migran dari kawasan pedalaman ke Brazlandia, sebuah bandar satelit di Brasilia, telah mendapati bahawa pergerakan yang menyimpang jauh dari norma dialek Caipira di kalangan migran mempunyai hubung kait yang rapat dengan darjah intergrasi ke dalam rangkaian perbandaran (*urban*).

Di samping itu, suatu siri kajian yang menerapkan teori rangkaian sosial ini telah dijalankan oleh sekumpulan penyelidik di Jabatan Pertuturan (Department of Speech) di Universiti Newcastle sejak 1988. Tujuan utama kajian tersebut ialah bagi memeriksa pengekalan bahasa dan peralihan bahasa di kalangan komuniti Cina di Tyneside dan faktor yang memberi kesan terhadap proses pengekalan dan pengalihan bahasa. Berdasarkan pada pemerhatian peserta selama tiga tahun, pengkaji telah merangka tujuh pola pemilihan bahasa yang digunakan oleh anggota komuniti Cina di Tyneside. Pola bahasa tersebut menunjukkan bahawa berlaku peralihan bahasa dari monolingual Cina melalui pelbagai darjah bilingualisme Cina/Inggeris kepada bilingualisme yang bahasa Inggeris menjadi bahasa yang dominan dalam komuniti itu.

Kajian yang dijalankan itu menunjukkan, generasi datuk nenek dan ibu bapa menggunakan bahasa Cina dalam semua atau dalam kebanyakan situasi, sedangkan bahasa Inggeris menjadi bahasa yang dominan dalam

generasi anak mereka, dan ini membayangkan peralihan bahasa dalam generasi baharu yang sedang berlaku.

Di samping itu, pemerhatian juga dibuat bagi melihat sama ada penutur yang menggunakan pola bahasa yang sama berkongsi juga ciri-ciri sosial yang sama. Beberapa variabel diperiksa seperti umur, jantina, jangka masa menetap di Britain (umur semasa penutur mula-mula sekali menetap di Britain), dan keanggotaan organisasi komuniti tertentu. Hanya umur sahaja yang didapati berkorelasi secara konsisten dengan pemilihan bahasa.

Dapatan daripada kajian Li Wei ini menunjukkan bahawa penutur yang mempunyai lebih banyak rangkaian ikatan etnik menggunakan lebih banyak bahasa Cina dan kurang sekali bahasa Inggeris. Satu perkara lagi yang penting daripada kajian ini menunjukkan bahawa kesan dari hubungan rangkaian sosial yang tertentu ke atas perlakuan bahasa penutur kadangkala mengatasi faktor sosial seperti generasi, gender, tempat asal, tahap pendidikan, dan lain-lain.

Dalam kajian Walker, Wasserman, Wellman (1994) tentang bantuan atau sokongan daripada orang dalam rangkaian sosial seseorang, mereka mendapati bahawa kebanyakan anggota-anggota yang aktif dan akrab bagi rangkaian seseorang adalah rakan atau jiran, dan bukannya adik-beradik. Rakan atau jiran terangkum dalam hampir separuh daripada rangkaian yang paling aktif dan akrab dan merupakan ikatan yang memberi sokongan tertentu serta pengaruh yang tertentu, seperti bahasa.

Jelas di sini daripada pelbagai kajian yang menerapkan analisis rangkaian sosial ini mendapati bahawa faktor seperti jumlah rangkaian sosial, tahap keakraban perhubungan, latar belakang orang yang terangkum dalam rangkaian sosial seseorang, jarak tempat tinggal dan sebagainya merupakan perkara yang penting dalam menentukan aspek pengaruh mempengaruhi yang berlaku.

Prosedur Asas Mengumpul Data Rangkaian Sosial

Tahap-tahap kajian bagi menjalankan kajian pengekaln dan peralihan bahasa berdasarkan teori rangkaian sosial ialah:

- (a) Pengkaji haruslah terlebih dahulu mengumpul satu senarai ikatan *exchange* dan *interactive* bagi setiap individu yang ingin dikaji.
- (b) Kemudian, bergantung pada hala kajian, maklumat yang lebih spesifik mengenai ikatan-ikatan ini boleh dicari. Contohnya, Raschka (1994 dilihat dalam Li, 1994) mendapati bahawa saiz rangkaian sosial yang benar-benar rapat adalah faktor yang sangat

signifikan dalam menerangkan perbezaan di antara kecekapan bahasa Inggeris di kalangan wanita-wanita yang berbahasa Punjabi dengan yang berbahasa Kantonis yang tinggal di New Castle.

Bagi kajian Li (1994) tentang peralihan bahasa berdasarkan generasi di kalangan masyarakat Cina di Tyneside pula, suatu senarai sebanyak 20 rangkaian pertukaran (*exchange*) bagi setiap penutur individu yang dikaji telah dikumpul dan komposisi 'etnik' (Cina *lwn* bukan Cina) dan rakan sebaya (*peer*)(sama ada terangkum dalam generasi yang sama dengan ego) telah dikenal pasti bagi setiap rangkaian.

Hasil analisis mereka menunjukkan korelasi yang jelas dan signifikan di antara jenis rangkaian sosial yang dimiliki oleh penutur dengan pola pemilihan bahasa yang mereka paparkan. Ini sesuai dengan pendapat Milroy yang menyatakan:

“Language acquisition, maintenance and change take place during social interaction among speakers, and are therefore a product of speaker-activity in social contexts.”

(Milroy, 1987:33).

Secara praktikal, dapat dikatakan bahawa para sosiolinguis yang menerapkan pendekatan rangkaian sosial memfokuskan perhatian mereka bukan sahaja ke atas rangkaian pertukaran *language-in-use* tetapi juga kepada *speakers-in-community*; dalam kata lain, perlakuan berbahasa seseorang penutur individu dikaji dalam hubungannya dengan aktiviti sosial bagi kumpulan penutur tersebut yang terangkum di dalamnya. Dengan penerapan teori ini, hala tuju sesuatu bahasa, iaitu arah kepupusan atau pengekalan dapat dicungkil.

RUJUKAN

- Barrera M., dan Ainlay S.L., 1983. “The Structure of Social Support: A Conceptual and Empirical Analysis”, dlm. *Journal of Community Psychology*, 11, hlm. 133–143.
- Blom J.P., dan Gumperz, 1972. “Social Meaning in Linguistic Structures”, dlm. J. Gumperz dan D. Hymes (eds.). *Directions in Sociolinguistics* (hlm. 110–135). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Bortoni – Ricardo S.M., 1985. *The Urbanisation of Rural Dialect Speakers: A Sociolinguistic Study in Brazil*. Cambridge: Cambridge University Press.
- De Bot dan Clyne, 1994. “A 16 year Longitudinal Study of Language Attrition in

- Dutch Emigrants in Australia”, dlm. *Journal of Multilingual and Multicultural Development* 15:1, hlm. 17–28.
- Festinger L., Schrafer S., dan Back, K., 1950. *Social Pressures in Informal Groups: A Study of Human Factors in Housing*. New York: Harper.
- Fishman J., 1966. *Language Loyalty in the United States: The Maintenance and Perpetuation of Non-English Mother-Tongues by American Ethnic and Religious Groups*. The Hague: Mouton.
- French J. R., dan Raven, B.H., 1959. “The Bases of Social Power”, dlm. *D. Cartwright (editor) Studies in Social Power* (hlm. 150–167). Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Friedkin N.E., 1990. “Social Network in Structural Equation Models”, dlm. *Social Psychology Quarterly* 12, hlm. 103–126.
- Gumperz J., 1964. “Linguistic and Social Interaction in Two Communities”, dlm. *American Anthropologist* 66:6, hlm. 137–54.
- Gumperz J., 1970. “Sociolinguistics and Communication in Small Groups”, dlm. *Pride J.B., dan S. Holmes, (eds.) Sociolinguistics*. (hlm. 45–79). Harmond’s Worth: Penguin.
- Li Wei, 1994. *Three Generations Two Languages One Family: Language Choice and Language Shift in a Chinese Community in Britain*. Clevedon: Multilingua.
- Mayer P., 1963. *Townsmen or Tribesmen: Conversatism and the Process of Urbanisation in a South African City*. Cape Town: Oxford University Press.
- Milroy J., dan Milroy L., 1985. “Linguistic Change, Social Network and Speaker Innovation”, dlm. *Journal of Linguistics*, 21, hlm. 339–84.
- Milroy L., dan Milroy J., 1992. “Social Network and Social Class: Toward an Integrated Sociolinguistic Model”, dlm. *Language in Society*, 21, hlm. 1–20.
- Peter V. Marsden dan Noah E. Friedkin, 1994. “Network Studies of Social Influence”, dlm. *Wasserman S. dan Galaskiewicz (editor), Advances in Social Network Analysis: Research in the Social and Behavioral Sciences* (hlm. 3–25). London: Sage Publications.
- Walker M.E., Wasserman S., dan Wellman B., 1994. *Statistical Models for Social Support Networks*. New York: Cambridge University Press.
- Wasserman S., dan Faust, K., 1994. *Social Network Analysis: Methods and Applications*. New York: Cambridge University Press.
- Wasserman S., dan Galaskiewicz (ed.). *Advances in Social Network Analysis*. New York: Sage Publications.